



Siraj Mohd Zaini, Amrullah  
Abdul Karim dan Nadzreen  
Shah Mat Salim  
am@hmetro.com.my

**TANAH RUNTUH DI SERENDAH**

**Takut nyawa melayang**

Hmetro  
28/11/16  
mls 9

**Hulu Selangor**

**“R**asa cemas dan takut belum hilang. Kami sekeluarga akan berpindah keluar dari sini apabila keadaan pulih kelak,” luah Mohd Adam Abdullah, 29.

Dia antara 340 penduduk Taman Idaman, Serendah, di sini, yang tinggal sementara di Sekolah Rendah Agama Serendah selepas diarah berpindah dari kediaman masing-masing atas faktor keselamatan sejak petang kelmarin.

Menurutnya, dia sekeluarga yang menetap di kawasan itu sejak 25 tahun lalu, trauma dengan tragedi yang berlaku.

“Semalam (kelmarin), kami menerima arahan berpindah atas faktor keselamatan.”

“Saya mempunyai tiga cahaya mata dan anak yang paling bongsu berusia enam bulan. Saya tidak mahu ke-

**“**Semalam (kelmarin), kami menerima arahan berpindah dari kediaman masing-masing atas faktor keselamatan”

**Mohd Adam Abdullah**

jadi seperti ini berulang.

“Malang tidak berbau dan saya tidak mahu mengambil risiko terhadap keselamatan keluarga saya,” katanya ketika ditemui di Sekolah Rendah Agama Serendah, di sini, semalam.

Dia dan ahli keluarga bagaimanapun bersyukur dengan bantuan diberikan selain tindakan pantas pihak berkuasa mengarahkan penduduk berpindah sementara atas.

“Bantuan makanan dan keperluan asas semua mencukupi walaupun ada bebe-



**PENDUDUK yang terbabit dalam kejadian tanah runtuh di Taman Idaman ditempatkan sementara di Sekolah Rendah Agama, Serendah.**

rapa perkara yang perlu diperbaiki.

“Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut sama membantu menyediakan

makanan dan kemudahan lain bagi kami penduduk di sini,” katanya.

Penduduk, Fatimah Hassan, 30, berkata, ramai di

antara penduduk yang berpindah mempunyai anak yang kecil.

“Ini menyebabkan mereka tidak selesa ketika berada

di sekolah ini. Setiap keluarga diberikan satu khemah untuk tidur dan memerlukan ruang lebih luas,” katanya.